

# UMS TAWAR KADAZANDUSUN

**KOTA KINABALU:** Bahasa Kadazandusun yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah rendah di Sabah, kini mendapat tempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok semasa mengumumkan di sini, berkata bahawa UMS telah membuat Bahasa Kadazandusun sebagai salah satu mata pelajaran pilihan dalam pengajian bahasa bermula

tahun ini.

"Dengan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dan kelulusan oleh Kementerian Pendidikan, Bahasa Kadazandusun telah diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran di sekolah-sekolah rendah di Sabah pada 1997".

"Maka itu, tahun ini juga telah dibuat sebagai subjek pilihan dalam pengajian linguistik di Universiti Malaysia Sabah," kata Dompok pada majlis penutupan Pertandingan Pidato dan Penulisan Esei dalam Bahasa

Malaysia bagi sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil.

Negeri Sembilan memenangi Piala Perpaduan Perdana selepas muncul sebagai juara keseluruhan pertandingan itu yang telah diadakan di auditorium Yayasan Sabah di Teluk Likas pada Jumaat.

Tahun lalu Kerajaan Barisan Nasional (BN) telah memperuntukkan RM750,000 kepada Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF) dan bersetuju memberi peruntukan tahunan

sebanyak RM100,000 kepada Yayasan itu untuk program-program pemeliharaan dan penggalakan bahasa itu.

Berucap pada majlis lain dua hari lalu, Dompok menggesa para penulis tempatan untuk membantu usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan negara dan mendidik rakyat supaya menjadi masyarakat penyayang dan dinamik melalui penulisan mereka.

Teks ucapan Dompok disampaikan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Abdul Rahim Ismail.

Borneo Mail  
(Sunday)  
1-11-98